

## KELANGSUNGAN KEHIDUPAN WARGA EMAS: USAHA KERAJAAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

MOHD FAROK MAT NOR<sup>1</sup> NOR 'ADHA AB HAMID<sup>2</sup> NUR ZULFAH MD ABDUL  
SALAM<sup>3</sup>  
SHARIFAH HANA ABD RAHMAN<sup>4</sup> MOHAMAD HAFIFI HASSIM<sup>5</sup> & MASHITAH  
NABEES KHAN<sup>6</sup>

<sup>1,3,4,5</sup> Pensyarah, di Jabatan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra,  
43000 Kajang Selangor

<sup>2</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra,  
43000 Kajang Selangor

<sup>6</sup> Pelajar Pascasiswazah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra,  
43000 Kajang Selangor

*Corresponding Author:* mohdfarok@kuis.edu.my

### ABSTRAK

Tanggal 1 Oktober setiap tahun, negara kita menyambut hari warga emas bagi menghargai jasa warga-warga emas yang ada di negara kita khususnya. Terkini, pada tahun lepas 1 Oktober 2020, melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dengan slogan, “Pandemik dan Penuaan Mendepani Perubahan”, sekali lagi kerajaan menghargai sumbangan warga emas ini. Malahan, pada sambutan tahun lepas juga, dijangkakan pihak kerajaan bakal membentangkan satu draft Rang Undang-Undang (RUU) khusus untuk warga emas pada tahun ini, iaitu 2021. Draft RUU ini dibangunkan dengan kerjasama pihak kementerian dengan Unit Perundangan Universiti Malaya. Namun, berdasarkan senario politik dan keadaan pandemik Covid 19 serta saat-saat negara kita berada di dalam tempoh darurat (sehingga 1 Ogos 2021 atau mana-mana tarikh yang lebih awal), pembentangan RUU ini mungkin sukar untuk direalisasikan sebagai undang-undang dalam tempoh yang terdekat. Namun, pihak kerajaan banyak melaksanakan pelbagai kaedah dan cara bagi menghargai jasa dan sumbangan warga emas ini terhadap kejayaan Malaysia sehingga hari ini. Objektif kajian ilmiah ini adalah bertujuan membincangkan langkah-langkah yang telah atau boleh diambil oleh pihak kerajaan dalam menghargai serta melindungi hak warga emas di negara kita, di samping memastikan kesejahteraan hidup warga emas di Malaysia. Kajian ini turut menggunakan kaedah kepustakaan (*library research*) dengan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah tentang langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan dalam memastikan kelangsungan kehidupan warga emas lebih terjamin. Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti usaha-usaha kerajaan yang patut diberikan pujian dan ruang-ruang penambahbaikan boleh oleh pihak kerajaan lakukan dalam meningkatkan mutu kehidupan warga emas ketika negara kita berada di saat yang gentir ini.

**Kata Kunci:** Warga Emas, Pandemik Covid, kesejahteraan hidup, kelangsungan kehidupan

## 1. Pengenalan

### 1.1 Definisi golongan umur Warga Emas

Jika diperhalusi, pelbagai definisi yang dapat mentakrifkan golongan yang bergelar warga emas. Sebagai contoh, menurut laman web Kamus Dewan di ruangan khidmat nasihat, definisi warga emas adalah sama dengan definisi warga tua yang mengkelaskan umur warga tua di Malaysia ialah apabila seseorang itu mencecah umur persaraan iaitu 55 tahun atau umur persaraan pilihan iaitu pada umur 56 tahun. (<https://prpm.dbp.gov.my>)

Umumnya, definisi warga emas telah ditakrifkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di "World Assembly On Ageing 1982" di Vienna.(JKM, 2020)

Akan tetapi, Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) pada ketika ini, masih menetapkan umur warga emas bermula dari 65 tahun dan ke atas. Ini amat berbeza dengan kategori warga emas yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Bagi pihak WHO, mereka menetapkan had umur minimum orang tua untuk digelar warga emas ialah 55 tahun meskipun banyak negara-negara di sebelah Barat menentukannya umur warga emas sebagai mereka yang berusia 70 tahun dan ke atas.

Manakala, menurut definisi ASEAN pula, warga tua ialah mereka yang tergolong dalam usia 60 tahun dan ke atas. (Shalini, 2019)

Bagi pihak Kerajaan Malaysia pula, melalui Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Datuk Seri Rina Mohd. Harun (ketika artikel ini ditulis pada Mac 2021) polisi dan dasar untuk kesejahteraan mengenai umur warga emas di Malaysia masih di angka 60 tahun ke atas. Dan, pihak Kementerian berhasrat mahu mengkaji semula definisi umur warga emas daripada usia 60 tahun ketika ini kepada 65 tahun.(Utusan Malaysia, 17 Disember 2020) Hasrat peningkatan umur golongan warga emas ini dikemukakan secara rasmi melalui cadangan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam sesi pertama mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara 2020. Namun, sehingga kini, Malaysia masih mendefinisikan umur 60 tahun ke atas adalah umur warga emas.

Walau apa jua tafsiran atau definisi tentang golongan warga emas ini, ianya tetap membawa maksud golongan tua, yang usianya dianggarkan melebihi umur 60 tahun ke atas dan memerlukan perhatian dan pemantauan yang sewajarnya oleh pihak kerajaan Malaysia khususnya.

Ini kerana perangkaan statistik yang dibuat di Malaysia apabila menjelang 2030, penduduk berusia 60 tahun ke atas mencapai 15 peratus daripada populasi keseluruhan penduduk di negara Malaysia ini. Dan, kita mesti bersedia dari awal dalam menghargai jasa dan pengorbanan warga emas yang banyak berkorban untuk keluarga, agama, bangsa dan negara kita yang tercinta ini.

## **2. Metodologi kajian**

Pebagai isu yang dapat dikaji yang berkaitan tentang golongan warga emas ini. Antaranya isu pengabaian warga emas, penempatan pusat jagaan warga emas, kebajikan golongan warga emas dan lain-lain lagi. Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan (*library research*) dengan merujuk kepada bahan-bahan ilmiah mengenai langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan dalam memastikan kelangsungan kehidupan warga emas di Malaysia ini lebih terjamin dan sempurna. Dan juga, penulisan kajian ini, penulis akan menfokuskan kepada langkah-langkah yang telah atau sedang diambil oleh pihak kerajaan (sama ada Kerajaan Persekutuan

mahupun kerajaan Negeri) dalam memastikan kelangsungan kehidupan warga emas yang lebih baik dan terbela di negara kita ini.

### **3. Usaha-usaha yang telah atau sedang dilaksanakan oleh kerajaan**

#### **3.1 Penempatan @ Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)**

Melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pihak kerajaan telah pun memberikan satu garisan panduan bagi mewujudkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan pindaan terkini yang dibuat ialah pada tahun 2018. Garis panduan ini penting bagi mempertingkatkan penambahbaikan dalam penubuhan PAWE khususnya dalam aspek penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas, aspek pemantauan, aspek pengoperasian, aspek keselamatan, aspek kemahiran/latihan kepada penyelia@pengelola pusat aktiviti ini dan lain-lain aspek yang berkaitan.(JKM, 2021)

Seperti mana yang kita maklum, dalam aspek penjagaan warga emas, pelbagai aspek mesti diperincikan sebelum sesebuah PAWE dapat diluluskan dan seterusnya menjadi premis yang selamat buat warga emas ini. Antaranya, faktor keselamatan, seperti CCTV, pengawal keselamatan, ruang bilik yang mesra warga emas, faktor rumah bijak (*smart home*), faktor psikologi, faktor tempat riadah yang bersesuaian, faktor kebersihan dan lain-lain lagi.

#### **3.2 Belanjawan Negara Malaysia 2021**

Tidak memadai jika pihak Kerajaan hanya mengisytiharkan 1 Oktober setiap tahun sebagai Hari Warga Emas untuk diingati dan diraikan di Malaysia. Tambahan pula, pihak kerajaan tidak sesekali melupakan jasa dan pengorbanan mereka dalam arus pembangunan negara. Sebagai buktinya, pihak kerajaan memperuntukkan belanjawan seperti yang dimumkan oleh Menteri Kewangan Malaysia iaitu Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz di Dewan Rakyat pada 6 November 2020 yang lalu. Belanjawan negara ini telah diperuntukkan khas bagi Bantuan Warga Emas atau Bantuan Kebajikan Orang Tua dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 seorang. Bantuan ini boleh dinikmati oleh warga emas di negara ini melalui pendaftaran warga emas dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kelayakan yang ada disyaratkan. Bantuan ini diperuntukkan khas kepada warga emas yang layak adalah untuk meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan dalam negara ini.(Berita Harian, 6 November 2020)

Berikut adalah poster yang direka oleh bahagian *treasury.gov.my* bagi memperlihatkan kelebihan manfaat warga emas di Malaysia bagi tahun 2021.

**Bantuan Untuk Warga Emas**

**Bantuan Khas Kewangan Bersasar**

- RM300 one-off untuk pesara Kerajaan
- RM300 one-off untuk veteran tidak berpencen
- RM500 one-off untuk penerima Pingat Jasa Pahlawan Negara
- RM500 kepada para imam, Bilal, Siak, Noja, Merbut, Guru Takmir, Guru Kafa
- RM300 sebulan bagi Elaun Sara Hidup Nelayan

**Bantuan Kebajikan Warga Emas**

RM500 sebulan, dinaikkan daripada RM350

**Inisiatif Tidak Langsung**

- Potongan cukai tambahan untuk majikan yang menggaji warga emas dilanjutkan sehingga 2025
- RM50,000 Bantuan Kewangan Tahunan untuk pengoperasian Pusat Aktiviti Warga Emas kendalian NGO
- Had pelepasan cukai bagi rawatan perubatan keperluan khas dan penjagaan ibu bapa dinaikkan dari RM5,000 kepada RM8,000

**Program Jaringan Prihatin**

RM180 one-off dalam bentuk kredit telekomunikasi

**Program Khidmat Bantu di rumah Warga Emas (RM18 juta):**

RM400 saguhati maksimum untuk sukarelawan dan RM80 untuk klien

**TEGUH KITA MENANG BERSAMA**

#Belanjawan2021 treasury.gov.my

### 3.4 Pengecualian Cukai Pendapatan Individu Bagi Tahun 2020 (<https://semakanonline.com/senarai-pelepasan-cukai/>)

(Tarikh untuk mengisi *e-filing* ini adalah bermula 1 Mac sehingga 30 April setiap tahun)

Pihak kerajaan juga memberikan kelebihan bagi individu yang masih menyara ibu bapa yang masih hidup bagi menikmati pengecualian cukai pendapatan individu bagi tahun taksiran 2020 melalui pengisytiharan cukai pendapatan individu kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Antara kelebihan pengecualian cukai tersebut adalah:

- **Perubatan, keperluan khas dan penjagaan ibu bapa**

Sekiranya terdapat pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa anda memerlukan rawatan yang spesifik, sebarang kos yang telah dibelanjakan untuk membeli keperluan peralatan atau kos penjagaan ibu bapa anda yang mempunyai bukti dokumen atau resit, anda berhak menuntut maksimum pelepasan sebanyak RM5,000.

- **Ibu bapa yang masih sihat**

Jika ibu bapa anda tiada sebarang masalah kesihatan, anda boleh juga menuntut pelepasan sebanyak RM3,000 ; RM1,500 bagi ibu dan RM1,500 bagi bapa. Walaubagaimanapun, pihak yang menuntut perlu memastikan bahawa tiada adik beradik lain yang membuat tuntutan pada masa yang sama.

Namun, syarat-syarat yang berikut perlu dipenuhi untuk membuat sebarang tuntutan pelepasan:

- Anak kandung dan anak angkat yang telah diiktiraf oleh undang-undang.

- Tidak membuat tuntutan bagi penjagaan ibu bapa yang memerlukan rawatan perubatan, khidmat penjagaan khas, dan keperluan khas.
- Jumlah pelepasan perlu dibahagikan sama rata mengikut bilangan individu yang menuntut berhubung ibu atau bapa yang sama. Sekiranya, yang menuntut pelepasan adalah lebih daripada seorang individu, maka jumlahnya akan dibahagi sama rata. Contohnya, tuntutan RM 3,000 ke atas kedua ibu bapa yang sama oleh dua orang adik beradik, maka pelepasan sebanyak RM1,500 sahaja layak dituntut setiap orang.
- Layak ke atas ibu dan/atau bapa yang berusia 60 tahun atau ke atas (pada bila-bila masa dalam tahun taksiran) dan merupakan penduduk tetap di Malaysia.

- **Peralatan alat sokongan asas**

Pelepasan cukai sehingga RM6,000 boleh dituntut untuk pembelian peralatan sokongan khas, tidak kira sama untuk kegunaan diri individu, suami isteri, anak atau ibu bapa OKU.

Mereka perlulah berdaftar dengan JKM sebagai OKU dan antara alat sokongan asas adalah seperti berikut:

- kerusi roda
- kaki palsu
- mesin Hemodialisis
- alat pendengaran
- tidak termasuk kanta lekap (contact lens) dan cermin mata.

#### **4. Cadangan penambahbaikan oleh pihak Kerajaan**

##### **4.1 Pusat Jagaan @ Penempatan Warga Emas**

Adalah diharapkan agar pihak kerajaan dapat memantau pusat@premises jagaan warga emas yang sedia ada, sama ada yang ditubuhkan oleh pihak persendirian atau di bawah kelolaan pihak kerajaan sendiri. Pemantauan berkala hendaklah dilakukan oleh agensi berkaitan dengan pihak kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari sudut kebajikan warga emas, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari sudut pematuhan pengusaha@pengurus premises@tempat jagaan warga emas terhadap peraturan-peraturan yang ada (Nur Syakiran, 2017) dan juga dari pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari sudut kesihatan warga emas itu sendiri.

Pemantauan berkala ini amat penting bagi memastikan tidak berlaku penindasan, pengabaian dan juga ancaman kepada warga emas yang berunding dan mencari teduh di premises@pusat jagaan warga emas ini.

Sementara itu juga, penjaga@pengurus premis@pusat jagaan warga emas hendaklah peka dan sensitif terhadap keperluan setiap insan warga emas yang datang dan bernaung di bawah premis jagaan mereka.

#### **4.2 Penggubalan Peruntukan Undang-Undang Yang Sedia Ada**

Dengan wujudnya premis penjagaan warga emas ini, akan timbul masalah atau polemik di dalam masyarakat kita. Anak-anak yang sibuk bekerja akan menghantar ibu bapa mereka yang sudah tua ke pusat@premis jagaan warga emas ini dan terus tidak memperdulikan mereka selepas itu. Kisah 'si tanggung moden' ini mula menjadi ikutan di dalam Malaysia umumnya. Memang benarlah mereka (anak-anak tadi) boleh menghantar ibu bapa mereka ke premis @ tempat jagaan warga emas ini tetapi warga emas ini masih memerlukan perhatian, kasih sayang, ikatan kekeluargaan dalam mereka menghabiskan sisa-sisa hidup yang ada. Anak-anak tidaklah boleh melepaskan tanggungjawab hakiki mereka kepada premis@pusat jagaan warga emas ini semata-mata, walaupun pembayaran kos penjagaan yang nilainya ribuan ringgit dibuat setiap bulan. Bukanlah maksud kerajaan dalam membina premis jagaan warga emas ini untuk anak-anak 'membuang ibu bapa' mereka begitu sahaja. Perlu ada kunjungan, kasih sayang, percutian, pertanyaan khabar di pihak anak-naka terhadap warga emas yang menetap di premis @ pusat jagaan yang dimaksudkan ini.

Oleh sebab inilah, penulis mendapat cadangan dari penulisan satu artikel oleh Nur Zulfah Abd Salam pada tahun 2021 tentang penggubalan undang-undang yang sedia ada bagi menjamin keselamatan, kesihatan mahupun kesejahteraan warga emas di negara kita ini. Umumnya, tidak sebarang undang-undang yang boleh diambil terhadap mana-mana individu yang 'membuang' orang tuannya di surau misalnya (Berita Harian, 6 Februari 2021). Kejadian lain yang berlaku baru-baru ini amat menyayat hati warga Malaysia keseluruhannya. Seorang warga emas yang menggunakan kerusi roda ditinggalkan oleh anak-anaknya di tepi jalan. Pelbagai alasan diberikan apabila anak dihubungi untuk mengambil semula ibu tua ini. Akhirnya Lembaga Zakat Selangor (LZS) membantu ibu tua ini untuk ditempatkan di premis perlindungan warga emas yang ada. (Harian Metro, 21 Februari 2021)

Bagi mengelakkan ikutan 'Tanggung Moden' ini, adalah dicadangkan pihak kerajaan mengubal satu undang-undang yang baharu bagi menjadikan perbuatan meninggalkan ibu bapa secara langsung atau tidak langsung sebagai kelasahan yang jelas termaktub di bawah Kanun Keseksan Malaysia yang membawa kepada hukuman yang berat jika didapati bersalah oleh pihak mahkamah yang berbidang kuasa.

#### **4.3 Belanjawan Negara Untuk Akan Datang**

Peruntukan pihak kerajaan bagi elaun untuk warga emas dari RM350 kepada RM500 dalam belanjawan tahun 2021 wajar dipuji dan warga Malaysia amat berterima kasih untuk langkah tersebut. Namun, jika boleh diperhalusi dan ditambahbaik, langkah pemberian wang RM500 akan habis begitu sahaja. Adalah dicadangkan dalam penulisan ilmiah ini, agar pihak kerajaan boleh mewujudkan satu Skim@pencen bulanan serendah RM100 sebulan bagi warga emas di Malaysia. Dengan cara ini, pihak warga emas tidak akan putus menerima bantuan dari pihak kerajaan untuk setiap bulan yang mendatang. Namun, penulis akur dan tahu akan rintangan yang akan dihadapi oleh pihak kerajaan kerana ianya akan

melibatkan peruntukan kewangan negara yang amat besar dan kajian yang mendalam perlu dijalankan dalam melaksanakan cadangan ini.

## 5. Penutup

Pihak kerajaan mempunyai kapasiti dari sudut peruntukan kewangan dan inisiatif dari kuasa politik dalam melaksanakan dan juga menambahbaik langkah-langkah dalam menjadi kehidupan warga emas di Malaysia ini lebih terbela dan sempurna. Ingatlah, sesungguhnya pergorbanan warga emaslah yang menjadikan negara kita, Malaysia gah di mata dunia pada masa ini. Jasa baik dan keringat serta susah payah mereka amat sukar untuk ditukar dengan wang ringgit. Hargailah mereka bagi menunjukkan kita amat berterima kasih kepada mereka. Dan, usah dilupa, kita juga akan menjadi salah seorang warga emas suatu ketika nanti.

## 6. Penghargaan

Pihak penulis ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana membiayai kajian ilmiah ini di bawah skim projek FRGS berkod FRGS/1/2020/SSO/KUIS/02/1 membantu penulis dan rakan-rakan penulis dalam menyiapkan kajian ilmiah ini.

## 7. Rujukan

<https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/676704/tergamak-tinggalkan-ibu-berkerusi-roda-di-tepi-jalan-metrotv>

<https://www.sinarharian.com.my/article/122625/EDISI/Warga-emas-diajak-solat-jemaah-sebelum-ditinggalkan-di-surau>

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=warga+tua&d=175768&>

<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEpUUXV3THFURkZETmxWNjZpQ1BXdz09>

<https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/kerajaan-cadang-definisi-usia-warga-emas-dinaikkan/>

<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VEpUUXV3THFURkZETmxWNjZpQ1BXdz09>

<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=aC90Vy81SVhKTEZDcVoxRE5JRzNRZz09>

<https://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/750755/belanjawan-2021-bantuan-oku-warga-emas-dinaikkan>

<https://semakanonline.com/senarai-pelepasan-cukai/>

Garis Panduan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Pindaan 2018

Nur Syakiran Akmal Ismail , Norehan Abdullah , Kalthum Hassan, Shamzaeffa Samsudin, Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, Rohana Yusof, Nurzalyna Mohamed Zaki; Kesejahteraan hidup warga emas: Perancangan berasaskan gender; *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 13 issue 3 (75-85) © 2017, ISSN 2180-2491

Shalini Sanmargaraja & Ta Wee Seow, Pandangan Warga Tua Di Rumah Warga Tua : Kajian Kes Di Bandaraya Ipoh Dan Johor Bahru; Geografi & Alam Sekitar Dalam Pembangunan dan Transformasi Negara : Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4 /. Ms. 143-151